

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25 / 08 / 2007

Usaha sama ASEAN-Jepun perlu dimuktamad

UM - 25 / 8 / 2007

PUTRAJAYA 24 Ogos - Malaysia dan Jepun hari ini mahu Perjanjian Usaha Sama Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (CEP) yang bertujuan memperkukuhkan kemakmuran di rantau ini dimuktamadkan segera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Jepun, Shinzo Abe dalam satu pernyataan bersama selepas mengadakan mesyuarat delegasi dua negara bersetuju tentang kepentingan perjanjian berkenaan.

"Kedua-dua pemimpin juga bersetuju menyegerakan inisiatif bagi mempertingkatkan kerjasama serantau seperti Usaha Sama Ekonomi Komprehensif di Asia Timur (CEPEA) dan penubuhan Institut Penyelidikan Ekonomi bagi ASEAN dan Asia Timur (ERIA)," kata pernyataan itu yang dikeluarkan sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-Jepun.

Mengenai ERIA, Abdullah berkata, Malaysia boleh me-

nawarkan lokasi persekitaran yang kondusif untuk institut bebas itu beroperasi.

Menyedari hubungan erat dalam bidang ekonomi yang menjadi asas kepada hubungan Malaysia-Jepun, kedua-dua pemimpin mengesahkan pelaksanaan Perjanjian Usaha Sama Ekonomi Malaysia-Jepun yang berkuat kuasa tahun lalu.

Abdullah turut mengalu-alukan kehadiran delegasi misi perdagangan peringkat tinggi dari Jepun dan gembira Forum Perdagangan Jepun-Malaysia diadakan sempena lawatan tersebut.

"Kedua-dua pemimpin berharap lawatan ini akan meningkatkan lagi hubungan ekonomi Malaysia-Jepun," kata pernyataan itu.

Abdullah juga mahu melihat lebih banyak penglibatan syarikat-syarikat Jepun dalam pembangunan wilayah ekonomi di selatan dan utara Malaysia dengan mengambil kesempatan ke atas peluang-peluang ekonomi yang ditawarkan di situ.